

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA

PANDUAN MENGISI BORANG MAKLUMAT PENCARUM

1. Pemohon dinasihatkan membaca dengan teliti arahan-arahan di dalam panduan ini sebelum mengisi borang. Borang hendaklah dilengkapi dengan menggunakan PEN DAKWAT HITAM/BIRU dan ditulis menggunakan HURUF BESAR.
2. Penamaan waris terdahulu akan terbatal jika ahli membuat penamaan baru dengan mengisi Borang Maklumat Pencarum.
3. **BAHAGIAN PERTAMA – MAKLUMAT AHLI**

(A) Maklumat Ahli

Lengkapkan maklumat No. Tentera, No. Kad Pengenalan Awam, Nama, Agama dan Kaum sebagaimana di dalam Kad Pengenalan Tentera.

(B) Pengesahan Pemohon

Pemohon dikehendaki menurunkan cap ibu jari kanan dan kiri dan lengkapkan tandatangan dan tarikh permohonan.

Cap ibu jari mestilah diturunkan dengan terang dan jelas dengan menggunakan pad cap jari berwarna hitam di dalam ruangan yang disediakan.

Bagi ahli yang hadir di kaunter LTAT, cap ibu jari boleh diturunkan di hadapan Pegawai Kaunter LTAT.

Bagi penghantaran borang melalui pos penurunan cap jari hendaklah dibuat di hadapan Pegawai Pasukan dan dapatkan tandatangan dan cop Pegawai Pasukan pada Borang Maklumat Pencarum.

BAHAGIAN KEDUA – MAKLUMAT WARIS

- Pemohon berhak menentukan bilangan waris yang hendak dinamakan. Bagi penamaan waris melebihi 3 orang, lengkapkan Borang Maklumat Pencarum yang lain beserta tambahan maklumat waris dan kepilkan borang-borang tersebut bersama-sama.
- Lengkapkan nama penuh, alamat surat-menyurat waris dengan jelas. Lengkapkan ruangan nombor kad pengenalan waris (sekiranya maklumat ada).
- Kod Persaudaraan – Rujuk Kod Persaudaraan seperti yang tercatat pada helaian borang.

Borang yang telah dilengkapi boleh diserahkan di kaunter LTAT atau di mana-mana cawangan kedai Pernama yang menempatkan mesin E-Kisok atau dengan menghantar melalui pos ke alamat berikut :

Ketua Eksekutif
Lembaga Tabung Angkatan Tentera
Tingkat 2, Bangunan LTAT
Jalan Bukit Bintang
55100 KUALA LUMPUR
(UP : Jabatan Hal Ehwal Korporat dan Pelanggan)

